

**Lelaki Didenda RM500 Cederakan Bekas Setiausaha Publisiti Kecil DAP
Bernama
10 Sept, 2013**

JOHOR BAHRU, 10 Sept (Bernama) -- Seorang lelaki didenda RM500 oleh Mahkamah Majistret di sini Selasa kerana mendatangkan kecederaan ke atas bekas Setiausaha Publisiti Kecil DAP Taman Nesa, K Murugan, Mac lepas.

Majistret Mohd Azlan Shah Mohd Alias turut mengarahkan tertuduh, P Bala, 56, dipenjarakan sebulan sekiranya gagal membayar denda selepas dia mengaku bersalah terhadap pertuduhan pilihan yang dibacakan jurubahasa.

Mengikut pertuduhan, Bala bersama-sama dua individu lain yang masih bebas didapati dengan sengaja mendatangkan kecederaan ke atas Murugan, 42, di Jalan Inang 2, Taman Skudai Baru, di sini kira-kira pukul 9.20 malam, 31 Mac lepas.

Dia dituduh mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga setahun atau denda hingga RM2,000.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Fithril Hakim Ab Jalil manakala Bala diwakili peguam, M Manogaran.

Bala kemudian membayar denda itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976530>